

19 JUL 1997

#### BSKL MENJANGKA PANTULAN KECIL KEPADA 1,070 MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Walaupun terdapat ketidak pastian menyelubungi arah tujuan ringgit dan kadar faedah, Indeks Komposit Kuala Lumpur dijangka memaparkan pantulan kecil yang sederhana kepada paras 1,070 minggu depan.

Seorang penganalisis menganggap kemungkinan peningkatan angkatunjuk pasaran itu disebabkan hakikat bahawa pembeli-pembeli institusi dijangka meningkatkan pendedahan belian mereka bagi mengambil kesempatan daripada saham-saham murah yang telah menjadi termampu akibat kelembapan pasaran baru-baru ini.

Pelabur-pelabur individu runcit, sebaliknya, dijangka menyerbu ke dalam Papan Kedua untuk mendapatkan semula kerugian mereka sebelumnya.

Beliau juga menambah kata bahawa sentimen cergas itu dijangka wujud minggu depan memandangkan kakikat bahawa Indeks Komposit dapat kekal di atas paras psikologi 1,000 mata pada hari Jumaat, sungguhpun ia jatuh kepada 990 mata sebelum waktu rehat tengah hari, yang merupakan paras paling rendah sejak permulaan tahun ini.

Paras sokong KLCI telah ditetapkan pada 980, 940 dan 890 sementara paras rintangan telah diletakkan pada paras 1,000, 1,020, 1,070 dan 1,130 mata.

Paras sokongan papan kedua telah diletakkan pada paras 500, 540 dan 410 mata manakala rintangan dijangka pada paras 550, 580 dan 640 mata.

Para penganalisis juga berkata kepulauan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari seberang laut minggu depan dijangka meningkatkan sentimen pasaran dan mencetuskan minat belian.

Sementara itu, Capital Dynamics Sdn Bhd, peramal pasaran, di dalam kajian semula pasarannya baru-baru ini, telah menyemak ramalan jangka segera hingga pendeknya bagi Indeks Komposit kepada di antara kadar 970 dan 1,150 mata manakala ramalan jangka pendek hingga sederhana telah ditetapkan pada di antara paras 970 hingga 1,280 mata.

Bagaimanapun, Capital Dynamics masih mengekalkan sasaran jangka panjangnya sebanyak 1,700 hingga 2,000 mata.

Seorang penganalisis menegaskan bahawa paras 900 mata adalah paras sokongan yang penting bagi pasaran yang patut dikekalkan jika pasaran mahu berusaha untuk kembali pulih.

"Kedudukan terlebih jualan yang amat keterlaluan di pasaran pastinya menggesa pantulan teknikal yang pasti tidak lama lagi untuk memperbetulkan ketidak imbangannya," kata seorang penganalisis lain.

Bagi minggu yang baru berakhir, prestasi BSKL boleh disimpulkan sebagai "turun-naik" dengan keyakinan pelabur amat terjejas dan terganggu oleh satu rentetan berita yang "tidak menggalakkan".

Beberapa berita yang tidak menggalakkan termasuk langkah kembar kekangan Bank Negara Malaysia untuk mengawal inflasi aset dan krisis baru-baru ini yang menjejaskan matawang-matawang serantau termasuk ringgit, yang runtuh akibat jualan besar-besaran menguntungkan dolar AS.

Penjualan spekulatif ringgit sejak Isnin, yang menekan matawang itu ke paras paling rendah dalam tiga bulan pada 2.6250 pada hari Jumaat dan ini mengakibatkan beberapa kaunter saham mewah, yang didahului oleh Tenaga Nasional dan Telekom, dengna pendedaham besar dalam dolar AS, terjejas amat teruk.

Seorang penganalisis malahan membuat spekulasi bahawa dengan penurunan nilai ringgit seterusnya dan memandangkan keadaan tidak menentu kadar

faedah, perolehan korporat bagi syarikat-syarikat itu akan terjejas dengan teruknya.

Beliau menegaskan bahawa kejatuhan di dalam harga-harga saham Telekom dan Tenaga sepanjang minggu lalu telah mengakibatkan kejatuhan Indeks Komposit sebanyak sekurang-kurangnya 40 peratus.

Bagi minggu yang dipendekkan oleh cuti ini, Indeks Komposit susut 16.06 mata kepada 1,001.55 dari 1,017.61 Jumaat lepas, Indeks Emas rugi 3.91 mata kepada 283.88 dan Indeks Perusahaan jatuh 20.66 mata kepada 527.80.

Di kalangan saham cergas minggu ini, Rahman Hydraulic naik 10 sen kepada RM5.15 dengan 79.424 juta saham diniagakan, MBf Capital lega 36 sen kepada RM3.90 (35.504 juta saham diniagakan), Taiping Consolidated jatuh 30 sen kepada RM2.90 (25.154 juta saham), Sime Darby kekal tidak berubah pada RM8.20 (19.855 juta saham) dan Renong jatuh 10 sen kepada RM3.16 (19.696 juta saham diniagakan).

PNE PCB Bhd meningkat RM2.00 kepada RM13.30 dengan 19.329 juta saham diniagakan diikuti oleh KLIH yang rugi 10 sen kepada RM2.86 (17.905 juta saham), TNB jatuh 90 sen kepada RM10.40 (15.204 juta), RHB Capital Bhd naik 60 sen kepada RM7.30 (15.048 juta saham) dan Plantation & Development Bhd susut 37 sen kepada RM4.88 dengan 14.335 juta saham diurusniagakan.

CN Asia Corporation muncukkali pertamanya di papan kedua BSKL hari Jumaat pada RM5.00. Ia mengakhiri hari itu pada RM5.10, naik RM3.20 daripada harga tawarannya RM1.90.

Jumlah dagangan papan Utama merosot kepada 754.688 juta saham bernilai RM4.311 bilion dari 1.129 bilion saham bernilai at RM6.029 bilion minggu lalu.

Jumlah dagangan Papan Kedua adalah 172.179 juta saham bernilai RM2.073 bilion dari 258.915 juta saham bernilai RM3.194 bilion manakala urusanniaga langsung berjumlah 241.535 juta saham bernilai RM1.415 bilion dari 227.939 juta saham bernilai RM1.664 bilion sebelumnya.

Pada asas sektor, barangan pengguna menyumbang 28.743 juta saham diurusniagakan, barangan industri 97.501 juta, pembinaan 64.063 juta, dagangan/perkhidmatan 136.888 juta, infrastruktur 5.326 juta, kewangan 131.257 juta, hotel 4.252 juta, harta 103.522 juta, perladangan 26.112 juta, perlombongan 81.585 juta, amanah 1.065 juta, dana tertutup 986,000, amanah 14.386 juta dan waran panggilan 43.386 juta. -- BERNAMA

AA DVS OS